

14 JUN 2003

Samy-Projek

KEMENTERIAN KERJA RAYA KENALPASTI PROJEK YANG BOLEH DITANGGUHKAN

SUNGAI SIPUT, 14 Jun (Bernama) -- Kementerian Kerja Raya sudah mengenalpasti beberapa projek mereka yang boleh ditangguhkan setelah menjalankan analisa keutamaan projek-projek tersebut.

Menterinya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata senarai-senarai projek yang boleh ditangguhkan telah diserahkan kepada Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri untuk tindakan selanjutnya.

Katanya, banyak projek penting berjumlah berbilion-bilion ringgit dan sudah mendapat peruntukan yang banyak ditarik balik kerana ia tidak diberi keutamaan oleh kementeriannya.

"Selain itu, mana-mana projek yang diberi keutamaan oleh kementerian sudah dibincangkan di peringkat kementerian. Ia juga sudah dihantar kepada Unit Perancang Ekonomi," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat khas ketua-ketua kampung Parlimen Sungai Siput di dewan orang ramai Kampung Jalong, di sini hari ini.

Rabu lalu, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dilaporkan berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sewaktu mesyuarat dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri mahu sesetengah projek yang dilaksanakan kerajaan negeri ditangguhkan dan kementerian berkaitan akan mengenal pasti projek terbabit.

Shahidan berkata Perdana Menteri mahu rakyat mendapat faedah sepenuhnya dari Pakej Strategi Baru dengan meminta kerajaan negeri melaksanakan segala syor bagi merangsang ekonomi.

Mengenai memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani beliau dan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan Turki, Binali Yildirim bagi mewujudkan kerjasama dua hala sektor tenaga dan air antara Malaysia dan Turki, Samy yang juga Ahli Parlimen Sungai Siput berkata sebanyak lapan projek akan dijalankan dibawah MoU itu.

"Ia adalah projek bekalan air, bekalan elektrik selain satu atau dua projek lain. Kita juga telah tetapkan harga pelaksanaan projek-projek tersebut.

"Syarikat Ranhill telah terpilih menjadi kontraktor utama kepada projek tersebut bersama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) yang akan menguruskan pelaksanaan projek tersebut," katanya.

Beliau berkata bagi menjayakan MoU tersebut, beliau akan ke Turki bulan depan bagi mengadakan perbincangan lanjut mengenai perkara yang telah diputuskan sewaktu MoU.

-- BERNAMA

KAY ZB